

PENGARUH KELUARGA DALAM MEMPERKASA KEPUTUSAN EKSPATRIASI AKADEMIK EKSPATRIAT BERDIKARI DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

**Muhammad Safuan Yusoff^{1*}, Nur Hidayah Iwani Mohd Kamal²,
Irma Wani Othman³, Abu Bakar Abdul Hamid⁴**

¹ *Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah,*

² *Kolej Yayasan Saad International School, Melaka,*

³ *Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah,*

⁴ *Putra Business School, Universiti Putra Malaysia.*

ABSTRAK

Ekspatriasi merentasi sempadan yang dilakukan oleh kebanyakan golongan profesional u trend perkembangan kerjaya yang dilakukan di seluruh dunia sama ada secara berdikari mahupun dihantar oleh pihak majikan dalam sesebuah organisasi. Perkara tersebut juga tidak terkecuali berlaku terhadap golongan ahli akademik antarabangsa yang melakukan ekspatriasi melalui inisiatif diri sendiri yang dikenali sebagai akademik ekspatriat berdikari. Keputusan untuk melakukan ekspatriasi ini sememangnya dilakukan bagi mendapatkan peluang kerjaya yang lebih baik dan mampu mendatangkan pelbagai kelebihan yang mana tidak diperoleh sewaktu berkerjaya di negara asal. Namun begitu di sebalik setiap keputusan yang dilakukan pastinya mempunyai pelbagai cabaran yang harus ditempuh. Bersandarkan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam ke atas dua puluh (20) orang akademik ekspatriat berdikari yang berjaya ditemubual, fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui pengaruh keluarga dalam memperkasa keputusan ekspatriasi akademik ekspatriat berdikari di universiti awam Malaysia yang meneruskan kerjaya di negara tuan rumah. Hasil dapatan yang diperoleh dari temu bual yang dilakukan ke atas dua puluh orang responden, memperlihatkan keputusan ekspatriasi didorong oleh elemen kekeluargaan iaitu (i) sokongan dan galakan keluarga seterusnya mampu memperkasa (ii) kemesraan hubungan bersama pasangan. Dari keseluruhan dapatan yang diperoleh telah membuktikan bahawa keluarga memainkan peranan besar dalam memberi keyakinan kepada akademik ekspatriat berdikari dalam membuat keputusan untuk beres ekspatriasi sekali gus membawa kepada implikasi positif dalam sesebuah perhubungan bersama pasangan di negara tuan rumah.

Kata kunci: *Ekspatriasi, Keluarga, Akademik Ekspatriat Berdikari, Universiti Awam Malaysia*

* Corresponding author: Muhammad Safuan Yusoff. *Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah.* E-mail: safuan_y@yahoo.com

Pengenalan

Di Malaysia kebanjiran tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat asing telah menunjukkan peningkatan dari tahun ketahun. Walaupun sebenarnya fenomena ini telah lama berlaku namun ramai yang tidak menyedari bahawa penggunaan tenaga pakar asing telah menjadi salah satu kepada penyumbang kejayaan dalam sesebuah sektor. Salah satu sektor yang sering dilihat mempunyai pertambahan bilangan tenaga pakar asing sebagai tenaga kerja adalah dari sektor Pendidikan tinggi yang merujuk kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia. Perkembangan sistem pendidikan tinggi di Malaysia pada hari ini sememangnya setanding dengan sistem pendidikan tinggi yang ada di serata dunia dan perkara tersebut dapat dibuktikan melalui reputasi baik yang dimiliki oleh dua puluh buah Institusi Pengajian Tinggi Awam di negara ini yang telah dapat menarik kehadiran bilangan akademik ekspatriat berdikari untuk datang ke negara ini bagi membangunkan kerjaya mereka di negara ini (Mohamad *et al.*, 2008).

Akademik ekspatriat berdikari ditakrifkan sebagai individu yang melakukan keputusan untuk berekspatriat ke luar negara secara berdikari bagi mendapatkan tawaran perjawatan di negara tuan rumah dalam satu tempoh masa yang ditetapkan menerusi sebuah kontrak perkhidmatan sebagai ahli akademik antarabangsa (Al Ariss dan Crowley-Henry, 2013; Doherty *et al.*, 2013). Disebabkan keputusan yang dilakukan untuk berekspatriasi ke negara tuan rumah dilakukan secara berdikari melalui daya usaha diri sendiri, sokongan dan galakan yang padu daripada pasangan dan keluarga di negara asal merupakan asas penting sebelum sesebuah keputusan akhir dapat dilakukan bagi mengelakkan berlakunya repatriasi sebelum tamat tempoh kontrak perkhidmatan (Richardson dan Mckenna, 2003; Richardson 2006; Muhammad Safuan *et al.*, 2016).

Pembentukan jati diri dan sahsiah peribadi merujuk kepada tindakan bagi ekspatriat berdikari yang mengambil keputusan melakukan ekspatriasi dan berhadapan dengan implikasi positif yang bakal diperolehi. Ini dapat dilihat dari segi kehidupan peribadi mereka yang mana dapat dilihat melalui cabaran dan dugaan yang ditempuhi sepanjang tempoh ekspatriasi di luar negara. Melakukan ekspatriasi ke luar negara bukanlah satu perkara yang mudah bagi sesetengah golongan akademik ekspatriat berdikari. Ini adalah kerana setiap keputusan yang dilakukan pastinya bakal memberi kesan kepada diri mereka. Bagi sesetengah ekspatriat amat mudah untuk melakukan ekspatriasi kerana dirinya mendapat sokongan yang padu daripada keluarga, pasangan dan anak-anak mereka. Sokongan dari segi emosi terutamanya dari pasangan hidup, adalah salah satu perkara yang penting bagi memastikan ekspatriat mampu berjaya dalam keputusan yang dilakukan.

Sorotan Literatur

Gelombang globalisasi yang melibatkan fenomena pengantarabangsaan telah menyumbang kepada peningkatan kehadiran bilangan akademik ekspatriat berdikari berekspatriat ke serata dunia bagi mendapatkan pengalaman berharga khususnya bagi membangunkan kerjaya mereka. Namun demikian, melakukan ekspatriasi ke luar negara bukanlah satu perkara yang mudah bagi mereka. Sokongan emosi daripada keluarga, anak-anak, pasangan hidup, masyarakat setempat dan rakan sekerja baru ekspatriat adalah salah satu perkara yang penting dalam memastikan ekspatriat mampu berjaya untuk kekal dalam satu tempoh masa yang lama. Salah satu dari fokus perbincangan yang melibatkan ekspatriat dan keluarga adalah merujuk kepada implikasi proses ekspatriasi yang ditempuhi oleh ekspatriat itu sendiri terhadap pasangan ekspatriat yang dibawa bersama ke luar negara. Aspek penting yang mendorong kepada kejayaan ekspatriat di negara tuan rumah adalah mendapatkan sokongan dari segi emosi dan moral daripada pasangan hidup masing-masing (Toh dan Denisi, 2005). Menurut Toh dan Denisi (2005) telah menyatakan dengan adanya sokongan emosi yang tinggi daripada pasangan ekspatriat ianya mampu menyokong ekspatriat dalam menghadapi masalah

yang berlaku terutamanya apabila berada di negara tuan rumah. Hal ini kerana sokongan emosi daripada pasangan ekspatriat mampu menimbulkan dan menanam nilai-nilai positif dalam diri dan meningkatkan keyakinan diri ekspatriat sewaktu berada di negara tuan rumah sekaligus mampu memberi kesan kepada hubungan yang lebih rapat diantara pasangan.

Pengaruh positif yang dipamerkan oleh pasangan ekspatriat telah menunjukkan kesinambungan perbincangan yang mana tahap kualiti kerja dapat dipertingkatkan. Kajian yang dijalankan oleh Selmer dan Luring (2011) telah memperlihatkan bahawa adakah ekspatriat yang telah berkahwin mempengaruhi tahap kualiti kerjanya. Hasil dapatan kajiannya telah menunjukkan bahawa wujud perkaitan yang signifikan diantara ekspatriat yang berstatus sudah berkahwin terhadap tahap kualiti kerja yang ditunjukkan. Ini adalah kerana bagi mereka yang telah berkahwin pastinya mempunyai pasangan hidup yang sentiasa ada bersama memberi semangat dan dorongan yang tidak pernah putus. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa organisasi lebih gemar memilih golongan ekspatriat berdikari yang telah berkahwin berbanding ekspatriat yang masih bujang kerana organisasi merasakan ekspatriat yang telah kawin lebih bertanggungjawab dan memberikan hasil kualiti kerja yang berkualiti dan lebih baik.

Bagi memastikan ekspatriat berdikari mampu meningkatkan kepuasan kerja dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan di dalam sesebuah syarikat atau organisasi, jaringan sosial merupakan elemen kritikal menjamin ekspatriat mempunyai hubungan yang baik dengan pekerja tempatan (Toh dan Denisi, 2005). Interaksi sosial juga begitu penting buat ekspatriat ketika ekspatriasi antarabangsa dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh Toh dan Denisi (2005) mendapati bahawa 100 buah syarikat yang perkerjanya adalah terdiri daripada ekspatriat yang berasal lebih daripada 19 buah negara telah berjaya kekal dalam organisasi dan salah satu faktor kejayaan ekspatriat tersebut dalam beradaptasi persekitaran budaya negara tuan rumah adalah mereka mempunyai hubungan persahabatan dan akses terhadap maklumat mengenai negara tuan rumah. Sokongan maklumat daripada pekerja tempatan dipercayai menjadi antara penyumbang kepada kejayaan ekspatriat berdikari. Selain itu juga menurut beliau, mendapati bahawa hubungan yang lemah di antara negara tuan rumah akan memberikan impak negatif terhadap pekerjaan mereka.

Selain dari itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk melihat implikasi yang bakal diperoleh hasil daripada keputusan yang dilakukan dari segi hubungan peribadi ekspatriat dan pasangannya yang mana melihat peranan yang ditunjukkan pasangan ekspatriat ketika berada di negara tuan rumah. Persoalan yang dirungkai meneliti peranan sokongan pasangan ekspatriat dalam memberi implikasi positif kepada ekspatriat, contohnya pasangan yang memberi sokongan, berpendirian fleksibel, mempunyai semangat yang kuat, cekap, tegas dan seimbang dalam menyesuaikan diri dengan hidup dalam persekitaran budaya yang baru. Seterusnya sekiranya pasangan mempunyai kelakuan positif dalam menempuhi pengalaman budaya berbeza, adakah ianya memberikan peluang lebih baik bagi ekspatriat beradaptasi dengan baik di dalam persekitaran yang berbeza.

Menerusi kajian yang dilakukan Alia *et al.*, (2003), yang telah memfokuskan kepada pasangan ekspatriat berdikari yang mengikuti ekspatriat untuk berekspatriat ke luar negara. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kestabilan ekonomi keluarga, persefahaman diantara pasangan dan ekspatriat serta kebolehan menyesuaikan diri ekspatriat berupaya memberi kesan kepada pasangan dalam menyesuaikan diri mereka di negara tuan rumah. Pasangan juga perlu mempunyai sikap minda yang terbuka dalam menyesuaikan diri dalam kehidupan baru di luar negara. Ini akan menjamin kelangsungan kehidupan ekspatriat dan pasangan sepanjang menjawat pekerjaan di peringkat antarabangsa dan mengelakkan berlaku tugas pramatang disebabkan oleh sebarang masalah yang berpunca daripada pasangannya. Dari hasil kajian yang dijalankan oleh Luring dan Selmer (2010) pula, yang mengkaji sokongan yang diberikan oleh pasangan ekspatriat terhadap kerjaya pasangannya telah memberi dapatan positif yang mana pasangan juga dapat memberikan sumbangan kebaikan kepada kerjaya ekspatriat berdikari

yakni pasangannya. Hasil kajian mendapati pasangan yang menemani ekspatriat berdikari telah memberi kebaikan kepada kerjaya ekspatriat kerana pasangan yang menemani mereka akan mempengaruhi keputusan organisasi yang menghantar suami mereka dengan memberi sistem pampasan kerja yang lebih baik seperti cuti, jadual kerja yang fleksibel dan gaji yang lebih tinggi yang menyokong hubungan kerja-keluarga.

Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan yang dilakukan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang mana telah memfokuskan kepada reka bentuk kajian kes yang mampu memfokuskan kepada penghuraian secara holistik dan menyeluruh dengan memberikan penjelasan kepada sesuatu fenomena yang berlaku secara lebih mendalam (Yin, 2003; 2009; Thomas, 2011). Seramai dua puluh orang responden telah berjaya ditemu bual secara sukarela dengan berpandukan satu set protokol temu bual yang dibangunkan (Seidman, 2006; Creswell, 2013). Persampelan bertujuan telah digunakan sebagai kriteria persampelan bagi memilih calon responden yang tepat dengan melibatkan pemilihan sampel daripada suatu populasi yang telah dikenalpasti berdasarkan empat (4) kriteria utama yang telah ditetapkan (Creswell, 2013). Penggunaan temubual semi struktur telah digunakan bagi mendapatkan data dari responden yang terlibat kerana mempunyai kelebihan dalam menentukan isu yang perlu diteroka dengan lebih mendalam (Charmaz, 2003; Chang, 2009). Hasil rakaman temu bual yang diperolehi kemudiannya akan ditranskrip ke dalam bentuk penulisan secara verbatim yang akan menghasilkan banyak halaman teks bagi setiap temu bual yang dijalankan bersama seorang responden kajian (Patton, 2002; Seidman, 2006). Akhir sekali penganalisan data akan dilakukan melalui proses pengkodan dengan melibatkan proses mengenalpasti petikan-petikan di dalam teks dengan cara memberi kod terhadap setiap petikan ayat bagi menghasilkan tema-tema utama dapatan kajian yang akan disusun secara sistematik (Gray, 2009). Dengan penghasilan tema-tema tersebut ia mampu mengesahkan bahawa kajian yang dijalankan berjaya menjawab segala persoalan dan mencapai objektif kajian sebenar yang telah ditetapkan (Creswell, 2009; 20013).

Hasil Penyelidikan

Pengaruh keluarga dalam memperkasakan keputusan ekspatriasi akademik ekspatriat berdikari di universiti awam Malaysiadapat dihuraikan sebagai satu bentuk keadaan yang dialami oleh ekspatriat hasil daripada keputusan yang dilakukan yang mana telah memberikan kebaikan terhadap kehidupan peribadinya. Hasil dapatan yang ditemukan dalam kajian yang dijalankan ini menunjukkan keputusan ekspatriasi telah didorong oleh elemen kekeluargaan iaitu (i) sokongan dan galakan keluarga yang mampu memperkasakan (ii) keintiman hubungan bersama pasangan di negara tuan rumah.

i. Sokongan dan Galakan Keluarga

Berdasarkan fokus utama yang telah ditetapkan dalam kajian ini, keputusan ekspatriasi yang dilakukan adalah didorong oleh sokongan dan galakan yang diberikan oleh pihak keluarga di negara asal. Sokongan dan galakan daripada keluarga adalah merujuk kepada sikap yang ditunjukkan oleh keluarga yang berada di negara asal dalam menyokong dan memberi galakan kepada diri ekspatriat sewaktu mereka mengambil keputusan untuk melakukan ekspatriasi di negara tuan rumah (Richardson dan Mckenna, 2003). Perkara ini adalah amat penting bagi semua ekspatriat yang ingin melakukan ekspatriasi kerana melalui sokongan dan galakan dari keluarga ianya dapat menaikkan semangat ekspatriat mencapai cita-cita mereka. Perkara ini turut disokong dalam kajian yang dilakukan oleh Richardson dan Mckenna (2003) dalam kajiannya yang mana menyatakan sebelum ekspatriat membuat keputusan untuk melakukan ekspatriasi, pandangan dan pendapat serta sokongan dan galakan daripada keluarga merupakan salah satu aspek penting buat diri mereka. Ini adalah kerana keluarga yang berada

di negara asal, pasangan dan anak-anak merupakan pihak yang signifikan buat diri mereka dalam mengharungi kehidupan kerjaya dan peribadi (Richardson, 2006).

Jadual 1: Sokongan dan Galakan Keluarga Sebagai Pendorong Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari Di Universiti Awam Malaysia

Sokongan dan Galakan Keluarga	
	Responden 1
	Responden 2
	Responden 3
	Responden 4
	Responden 6
	Responden 7
	Responden 9
	Responden 10
	Responden 12
	Responden 13
	Responden 15
	Responden 16
	Responden 17
	Responden 18
	Responden 19
	Responden 20

Melalui jadual 1 diatas telah menunjukkan seramai enam belas orang responden telah menyatakan dan bersetuju bahawa keluarga merupakan antara komponen yang sangat penting dalam memberi sokongan dan galakan kepada mereka. Disebabkan oleh sokongan dan galakan yang diberikan oleh keluarga kepada akademik ekspatriat berdikari ini telah menyebabkan ekspatriat mampu mendapatkan kejayaan dalam meneruskan kerjaya mereka di tempat yang baru. Perkara ini dapat dilihat melalui pernyataan yang dikeluarkan oleh Responden 6 dan 20 yang mana, kedua-dua responden ini telah mendapat sokongan dan galakan yang sepenuhnya dari keluarga mereka terhadap keputusan berekspatriat yang dibuat. Galakan dan sokongan yang diberikan ini adalah disebabkan keyakinan yang tinggi bahawa ekspatriasi yang dilakukan akan membawa implikasi yang positif kepada pembangunan jati diri dalam memperolehi pengalaman yang berguna, seterusnya dapat dimanfaatkan pada masa hadapan. Perkara ini dapat dilihat dalam pernyataan asal responden di bawah:

“Sebagai seorang pendidik saya memerlukan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam, bahan-bahan rujukan yang lengkap serta kebebasan dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Semua itu tidak saya perolehi di negara asal saya. Ibu saya amat memahami diri saya. Ibu mengatakan ‘terpulang kepada kamu, jika kamu mahu mendapatkan manfaat pengalaman membina kerjaya akademik di negara lain pergilah tetapi ingat kamu perlu pulang kembali ke sini’. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh ibu saya. Pengalaman yang saya perolehi di sini akan saya gunakan di negara saya apabila tiba masanya.” (Responden 6)

“Selepas permohonan saya diterima saya berbincang dengan keluarga saya dan mereka semuanya memberi galakan yang sepenuhnya terutamanya almarhum bapa mertua saya yang merupakan idola saya. Bapa mertua saya adalah seorang pendakwah yang amat mementingkan ilmu keagamaan Islam. Beliau sering menjadi tempat rujukan saya kerana kepakarannya dalam ilmu Islam. Di negara asal saya beliau telah berjaya membuka sebuah sekolah rendah agama dan sekolah menengah agama dengan tujuan untuk memperkembangkan agama Islam. Impian saya adalah untuk menjadi seperi beliau. Galakan yang diberikan kepada saya, menjadi pegangan

saya supaya dapat menimba sebanyak mungkin pengalaman untuk dibawa pulang ke negara asal.” (Responden 20)

Melalui dapatan yang dibentangkan di atas telah memperlihatkan bahawa kepentingan sokongan dan galakan yang diberikan oleh keluarga di negara asal telah berjaya menjadi penyumbang kepada pembuatan keputusan responden yang mana telah berjaya melakukan ekspatriasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Pernyataan yang menyebut keluarga sebagai pihak yang berkepentingan dan signifikan, telah membuktikan bahawa ekspatriat yang tidak mendapat tentangan dari keluarga terdekat tergolong dalam kalangan individu yang dikenalpasti bebas melakukan ekspatriasi untuk tujuan pengembangan kerjaya mereka (Tharenou, 2008; Haslberger dan Brewster, 2008; Schoepp dan Forstenlechner, 2010). Keterlibatan keluarga terdekat dalam memainkan peranan terbukti sentiasa dikaitkan dengan keputusan untuk berekspatriat yang mana ini dapat dilihat melalui pernyataan yang diberikan oleh Responden 20 yang mengaitkan bapa mertuanya di negara asal sebagai idolanya dan berazam untuk menjadi seperti beliau. Responden 6 dan 20 sememangnya peka terhadap pengaruh keluarga di negara asal dan ini adalah satu fenomena lazim yang dihadapi oleh semua ekspatriat dalam proses pembuatan keputusan (Greenhaus dan Powell, 2012; Powell dan Greenhaus, 2012; Andres *et al.*, 2012).

Selain itu menurut Toh dan Denisi (2005) juga dengan adanya sokongan dan galakan dari pihak keluarga ianya mampu menaikkan semangat ekspatriat berdikari dalam menghadapi segala permasalahan yang berlaku sewaktu berada di negara tuan rumah. Di samping memberikan kesan yang positif terhadap hubungan pekerjaan di dalam sesebuah organisasi. Hal ini kerana sokongan dan galakan yang diperoleh daripada keluarga ekspatriat mampu menimbulkan dan menanam nilai-nilai positif dalam diri dan meningkatkan keyakinan diri mereka sebagai ekspatriat berdikari. Tambahan lagi menurut Chan (2000) pula, sokongan daripada keluarga terutamanya aspek galakan daripada keluarga, sikap, tingkahlaku dan memahami sesuatu keadaan akan menyumbang kepada kesan positif terhadap penyesuaian ekspatriat sepanjang meneruskan kerjaya di negara tuan rumah dan juga akan menjadi salah satu daripada panduan dalam penyelesaian sesuatu masalah yang berlaku.

ii. Kemesraan Hubungan Pasangan

Dalam kajian yang dijalankan ini seramai tujuh belas orang akademik ekspatriat berdikari yang menjadi responden merupakan mereka yang berstatus sudah berkahwin, yang mana mempunyai pasangan sama ada suami mahupun isteri. Meajoriti daripada mereka yang terlibat telah mengatakan bahawa ekspatriasi yang dilakukan di negara tuan rumah adalah dilakukan bersama-sama dengan pasangan mereka. Ini telah membawa kepada penemuan hasil kajian iaitu kemesraan hubungan bersama pasangan di negara tuan rumah yang mana menunjukkan seramai tiga belas orang responden telah memperkatakannya. Perkara ini dapat dilihat melalui pernyataan Responden 4 dan 19, yang mana menyatakan sepanjang berada di negara tuan rumah hubungan diri mereka dan pasangan telah menjadi semakin rapat dan mesra berbanding sewaktu berada di negara asal. Sokongan dari pasangan masing-masing amat diperlukan oleh diri akademik ekspatriat tersebut jika mereka mempunyai sebarang permasalahan yang dialami sama ada dari segi kerjaya dan kehidupan di negara tuan rumah.

Jadual 2: Kemesraan Hubungan Pasangan Akademik Ekspatriat Berdikari Di Universiti Awam Malaysia

Kemesraan Hubungan Pasangan
Responden 3
Responden 4
Responden 6
Responden 7
Responden 8
Responden 10
Responden 11
Responden 13
Responden 15
Responden 16
Responden 17
Responden 19
Responden 20

“Berada dalam kedudukan di negara orang secara tidak langsung memberi kesan psikologi terhadap hubungan kami sebagai satu unit pasangan dan membuatkan kami lebih rapat dan mesra. Sokongan moral dari pasangan sangat penting jika berlaku sebarang masalah. Kami akan menjadi tempat untuk meluahkan perasaan. Sistem sokongan penting bagi kami antara satu sama lain kerana kami sedar hanya ada diri masing-masing dan kebergantungan itu terlalu ketara.” (Responden 4)

“Dengan ketiadaan keluarga di sisi, telah membuatkan hubungan saya bersama isteri menjadi sangat rapat dan bertambah sayang. Ini mungkin disebabkan oleh kami tidak mempunyai sesiapa di sini, yang ada hanyalah dia dan saya. Setiap kali mempunyai masalah isterilah orang pertama yang akan datang kepada saya dan memberi kata-kata semangat kepada saya supaya jangan sesekali berputus asa dengan apa jua masalah yang dihadapi di tempat kerja. Bayangkan jika isteri saya tidak turut serta dalam ekspatriasi ini, mustahil saya akan dapat bertahan sehingga kehari ini. Isteri saya adalah tulang belakang saya.” (Responden 19)

Melalui dua pernyataan diatas sangat jelas menunjukkan disebabkan ekspatriasi yang dilakukan ianya telah memberi implikasi yang positif kepada kemesraan hubungan bersama pasangan. Setiap pasangan perlu menjalankan peranan mereka sepanjang bersama dengan ekspatriat di negara tuan rumah. Ini kerana jika berlaku sesuatu masalah pasanganlah yang akan menjadi tempat luahan akademik ekspatriat berdikari berkongsi masalah. Menurut Makela *et al.*, (2011), terdapat enam sifat yang perlu ada bagi seorang pasangan yang baik iaitu pasangan yang sentiasa memberikan sokongan, berpendirian fleksibel, mempunyai semangat yang kuat, cekap, tegas dan seimbang dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan di negara tuan rumah. Ini amat membantu ekspatriat sepanjang menjalankan tugas di negara tuan rumah. Jika berlaku sebarang masalah seperti yang diperkatakan oleh Responden 4 dan 19, sokongan dari segi emosi mampu menanam nilai-nilai positif dalam diri ekspatriat sekaligus dapat meningkatkan keyakinan diri ekspatriat untuk bangkit semula (Alia *et al.*, 2003; Toh dan Denisi, 2005; Selmer dan Luring, 2011).

Pengaruh positif yang diberikan oleh pasangan ekspatriat berdikari telah mampu memberi kesinambungan perbincangan dari segi tahap kualiti kerja yang ditunjukkan oleh ekspatriat sewaktu mereka melaksanakan pekerjaan di negara tuan rumah. Kajian yang dilakukan oleh Selmer dan Luring (2011) yang telah memilih ekspatriat berinisiatif sendiri sebagai responden kajiannya telah melihat adakah ekspatriat yang telah berkahwin akan mempengaruhi tahap kualiti kerja yang akan dilakukan. Hasil dapatan yang diperolehi telah menunjukkan bahawa

wujud perkaitan yang signifikan diantara ekspatriat berdikari yang berstatus sudah berkahwin terhadap tahap kualiti kerja yang ditunjukkan. Ini adalah kerana bagi mereka yang telah berkahwin pastinya mempunyai pasangan hidup yang sentiasa berada di sisinya yang mampu memberi dorongan semangat yang tidak putus kepada mereka. Ekspatriat yang mempunyai masalah sewaktu berada di tempat kerja sangat memerlukan semangat dan motivasi daripada pasangan mereka bagi membantu mereka kembali bersemangat. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa organisasi lebih gemar menerima golongan ekspatriat berdikari yang telah berkahwin berbanding ekspatriat yang masih bujang kerana organisasi merasakan ekspatriat berdikari yang telah berkahwin lebih bertanggungjawab dan memberikan hasil kualiti kerja yang berkualiti dan lebih baik.

Kesimpulan

Pengaruh keluarga dalam memperkasakan keputusan ekspatriasi akademik ekspatriat berdikari di universiti awam Malaysia telah memperlihatkan hubungan yang signifikan yang dikaitkan dengan perhubungan kekeluargaan di negara asal dan pasangan yang mana menjadi pendorong kepada keputusan akademik ekspatriat untuk terus berada di negara tuan rumah. Keputusan yang diambil oleh majoriti responden di dalam kajian ini telah dipengaruhi oleh faktor kekeluargaan yang tinggi (Richardson, 2006; Haslberger dan Brewster, 2008; Schoepp dan Forstenlechner, 2010; Powell dan Greenhaus, 2012; Chang *et al.*, 2013;). Tema hubungan kekeluargaan ini memberi gambaran yang penting kepada keputusan yang dilakukan oleh golongan akademik ekspatriat berdikari di mana keluarga menjadi keutamaan dan tulang belakang dalam setiap perkara yang dilakukan (Richardson, 2006; Greenhaus, 2012).

Hasil kajian yang dijalankan ini mampu menyumbang kepada literatur pengurusan ekspatriat di mana faktor kekeluargaan memainkan peranan signifikan kepada akademik ekspatriat dalam membuat keputusan untuk berekspatriasi dan kekal dalam tempoh masa yang lama di negara tuan rumah bagi mendapatkan implikasi positif kepada pembangunan kerjaya mereka sebagai akademik ekspatriat. Nilai perhubungan yang wujud dalam sesebuah keluarga merupakan sesuatu yang penting bagi akademik ekspatriat berdikari yang terlibat dalam kajian ini. Ini kerana majoriti dari semua keputusan yang dibuat adalah hasil dari sokongan dan dorongan dari keluarga di negara asal seperti ibu bapa, adik-beradik, saudara mara dan rakan-rakan di mana sokongan mereka adalah signifikan kepada diri akademik ekspatriat (Richardson dan Mckenna, 2003; Richardson, 2006; Schoepp dan Forstenlechner, 2010). Sokongan dan dorongan yang diterima berupaya menguatkan lagi keputusan akademik ekspatriat berdikari untuk melakukan ekspatriasi. Berdasarkan dapatan kajian, kenyataan yang dikemukakan oleh responden kajian adalah merujuk kepada bagaimana tindakan mereka berekspatriat akan memberi kebaikan kepada keluarga yang ditinggalkan di negara asal. Oleh itu setiap keputusan yang diambil untuk berekspatriat mahupun kekal berada di sesebuah negara melibatkan peranan dan kedudukan keluarga yang ditinggalkan di negara asal mereka (Richardson, 2006; Haslberger dan Brewster, 2008; Powell dan Greenhaus, 2012; Greenhaus dan Powell, 2012).

Lumrah bagi setiap ekspatriat yang berada di negara tuan rumah agak sukar membiasakan diri mereka dengan suasana, persekitaran yang jauh berbeza dengan negara asal mereka. Proses asimilasi dengan budaya kerja yang berlainan selalunya mengambil tempoh jangka masa yang lama terutama jika budaya baru mempunyai jurang budaya yang jauh berbeza. Seseorang ekspatriat berdikari bukan hanya dijangkakan mendapat tekanan dari cara melakukan kerja yang berbeza, tetapi mereka juga terdedah dengan proses adaptasi dengan rakan-rakan sejawat tempatan dan yang berasal dari negara-negara lain juga. Dalam konteks tersebut, kecemerlangan dan kecekapan prestasi kerja diukur dengan kebolehan seseorang ekspatriat menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja yang baru dan asing bagi diri mereka. Namun begitu dengan adanya sokongan moral yang kuat dari pasangan pastinya berupaya mengatasi kekurangan tersebut. Pada ketika itu, pengalaman ekspatriasi yang tidak begitu menyebelahi ekspatriat boleh dikongsi suka-duka yang ditempuhi bersama-sama pasangan mereka. Ini

disebabkan sepanjang tempoh ekspatriasi bagi pasangan yang mengikuti ekspatriat akan menjadi individu yang paling rapat dan sebagai tempat untuk meluahkan perasaan dan masalah yang dihadapi akademik ekspatriat, malahan tempat untuk mendapatkan sokongan moral dan kekuatan dalam mengharungi segala cabaran (Alia *et al.*, 2003; Toh dan Denisi, 2005; Selmer dan Luring, 2011; Makela *et al.*, 2011).

Bibliografi

Alia, A., Van der Zee, K. and Sanders, G. (2003). Determinants of Intercultural Adjustment among Expatriate Spouses. *International Journal of Intercultural Relations*, 27, 563-580.

Al Ariss, A. and Crowley-Henry, M. (2013). Self-Initiated Expatriation and Migration in The Management Literature Present Theorizations and Future Research Directions. *Career Development International*. 18 (1):78-96.

Andres, M., Moelker, R. and Soeters, J. (2012). The Work–Family Interface and Turnover Intentions over the Course of Project-Oriented Assignments Abroad. *International Journal of Project Management*. 30:752-759.

Chan, L. C. (2000). *Factor Influencing the Adjustment of Expatriates. A Case Study of P Company*. Master Thesis.

Charmaz, K. (2003). *Qualitative Interviewing and Grounded Theory Analysis*. In James A. Holstein and Jaber F. Gubrium (eds.). *Inside Interviewing New Lenses, New Concerns*. pp.311-330. Thousand Oaks, California: SAGE Publications.

Chang, Y. (2009). A Qualitative Study of Temporary Re-Entry from Significant Others' Perspective. *International Journal of Intercultural Relations*. 33:259-263.

Chang, W. W, Yuan, Y. H. and Chuang, Y. T. (2013). The Relationship Between International Experience and Cross-Cultural Adaptability. *International Journal of Intercultural Relations*. 37, 268-273.

Creswell, J. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among five approach*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.

Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Doherty, N., Richardson, J. and Thorn, K. (2013). Self-Initiated Expatriation and Self-Initiated Expatriates Clarification of The Research Stream. *Career Development International*. 18(1):97-112.

Gray, D.E (2009). *Doing Research in the Real World (2nd.ed)*. United Kingdom: SAGE Publications, Inc.

Greenhaus, J. H. and Powell, G. N. (2012). The Family-Relatedness of Work Decisions A Framework and Agenda for Theory And Research. *Journal of Vocational Behavior*, 80, 246-255.

Haslberger, A. and Brewster, C. (2008). The Expatriate Family and International Perspective. *Journal of Managerial Psychology*, 23(3), 324-346.

- Lauring, J and Selmer, J. (2010). The Supportive Expatriate Spouse: An Ethnographic Study of Spouse Involvement in Expatriate Careers. *International Business Review*. 19:59-69.
- Makela, L, Kansala, M and Suutari, V. (2011). The Roles of Expatriates Spouses Among Dual Career Couples. *Cross Cultural Management: An International Journal*, 18(2), 185-197.
- Muhammad Safuan Yusoff, Irma Wani Othman, Norazah Mohd Suki, Rudie Adie Razak. (2015). Kerjaya Dan Ekonomi Sebagai Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*. Vol. 9, 2015, Pp. 36-47.
- Muhammad Safuan Yusoff, Irma Wani Othman, Rudie Adie Razak, Norazah Mohd Suki. (2016). Masa Depan Kerjaya, Perhubungan Kekeluargaan dan Pengangan Hidup Sebagai Motif Ekspatriasi Akademik Ekspatriat Berdikari Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*. Vol. 10, 2016, Pp. 101-114.
- Mohamad, N. (2008). "Internationalization and International Linkages: The State of Malaysian Higher Education Institutions". In *Enhancing the Quality of Higher Education through Research: Shaping Future Policy*. edited by M.D. Zuraidah et.al. Putrajaya: Ministry of Higher Education.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods (3rd edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Powell, G. N. and Greenhaus, J. H. (2012). When Family Considerations Influence Work Decisions: Decision-Making Processes. *Journal of Vocational Behavior*. 81:322-329.
- Richardson, J. and McKenna, S. (2003). International Experience and Academic Careers What Do Academics Have to Say?. *Personnel Review*, 32(6), 774-795.
- Richardson, J. (2006). Self-Directed Expatriation: Family Matters. *Personnel Review*, 35(4), 469-486.
- Schoepp, K. and Forstenlechner, I. (2010). The Role of Family Considerations in An Expatriate Majority Environment. *Team Performance Management*, 16(5/6), 309-323.
- Seidman, I. (2006). *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Sciences, (3rd ed.)*. Teachers College Press.
- Selmer, J. and Lauring, J. (2011). Marital Status and Work Outcomes of Self-Initiated Expatriates Is There A Moderating Effect Of Gender. *Cross Cultural Management: An International Journal*, 18(2), 198-213.
- Tharenou, P. (2008). Disruptive Decisions to Leave Home: Gender and Family Differences In Expatriation Choices. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 105:183-200.
- Thomas, G. (2011). *How to do Your Case Study*. London: Sage Publication Ltd.
- Toh, S. M. and Denisi, A. S. (2005). A Local Perspective of Expatriate Success. *Academy of Management*, 132-146.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research: Design and Method 3rd Edition*. Thousand Oaks, CA. Sage.
- Yin, R. K. (2009). *Case study Research: Design and Methods 4rd Edition*. Thousand Oaks.

Muhammad Safuan, Y., Nur Hidayah Iwani, M.K., Irma Wani, O., & Abu Bakar, A.H.

CA. Sage.